

16 OCT 2000

Edward-lawat

PUTERA EDWARD LAWAT MALAYSIA BERMULA AHAD

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Putera Edward, anak bongsu Ratu Elizabeth, akan melawat Malaysia selama empat hari bermula Ahad ini sebagai wakil kerajaan British bagi memperkukuhkan hubungan dua hala.

Tumpuan lawatan baginda ialah dalam bidang pendidikan, golongan belia, media dan kesenian, kata Pesuruhjaya Tinggi British Graham Fry kepada pemberita di sini hari.

"Baginda juga ingin memperkenalkan Malaysia kepada isterinya," kata Fry.

Putera Edward, yang juga Earl of Wessex akan diiringi isteri baginda Countess of Wessex, yang sebelum ini dikenali sebagai Sophie Rhys-Jones.

Pasangan diraja itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Baginda berdua dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta mengadakan pertemuan dengan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Fry berkata Earl dan Countess of Wessex juga akan melawat tapak baru Institut British Malaysia di Gombak. Putera Edward akan merasmikan makmal multimedia dan komputer institut itu yang dibiayai oleh Rolls Royce dan Standard Chartered Bank.

Pasangan diraja itu akan melawat cawangan Universiti Nottingham di Malaysia dan mengadakan perjumpaan dengan anggota Britzone, sebuah kelab yang dikendalikan pelajar dari sekitar Lembah Klang, bagi memberikan gambaran mengenai Britain sebagai sebuah negara bertenaga dan dinamik kepada generasi muda Malaysia.

Mereka juga akan melawat Galeri Petronas. Putera Edward akan merasmikan satu seminar untuk media dan juga menghadiri tayangan amal sebuah filem British yang memenangi Oscar bertajuk Topsy Turvy.

Pasangan diraja itu juga akan menghadiri jamuan yang dianjurkan oleh Manchester Chamber of Commerce and Motor Sport Industry Association, yang akan berada di sini semasa lawatan diraja itu.

Baginda berdua juga akan melawat Pameran Heli-Asia 2000 di sini pada 25 Okt sebelum berlepas ke Brunei pada hari yang sama.

Ini merupakan lawatan kali ketiga putera itu ke Malaysia. Lawatan sebelum ini ialah pada 1997 dan 1998 selaku Presiden Persekutuan Sukan Komanwel.

-- BERNAMA

RV ZS RHM MAI